

TERMA DAN SYARAT

SUN LIFE MALAYSIA – MRTA/MRTT/MLTA COMPLIMENTARY GROUP TERM TAKAFUL/ GROUP TERM LIFE KEMPEN (Lanjutan)

KEMPEN

1. “Sun Life Malaysia – MRTA/MRTT/MLTA Complimentary Group Term Takaful/Group Term Life Kempen” (“Kempen”) dianjurkan bersama Sun Life Malaysia Assurance Berhad [No. Pendaftaran: 199001005930 (197499-U)] dan Sun Life Malaysia Takaful Berhad [No. Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)] (selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai “Sun Life Malaysia”)

TEMPOH KEMPEN

2. Kempen ini akan diadakan dari 18 November 2024 hingga 31 Julai 2025, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”).
3. Sun Life Malaysia berhak untuk mengubah jangka masa Tempoh Kempen, tarikh mula dan/atau tarikh tamat Kempen dengan memberi notis tidak kurang daripada empat belas (14) hari calendar.

KELAYAKAN

4. Untuk layak menyertai Kempen, kriteria berikut mesti dipenuhi:
 - a. Individu yang menetap di Malaysia, termasuk warganegara Malaysia, penduduk tetap, atau bukan warganegara Malaysia, berumur 18 tahun dan ke atas (selepas ini dirujuk sebagai “Pelanggan Layak”).
 - b. Individu yang memohon Group Mortgage Reducing Term Assurance/ Group Mortgage Reducing Term Assurance – Business Loan/ Group Mortgage Reducing Term Assurance – Business Loan with Refund of Premium rider/ Group Mortgage Level Term Assurance/ Group Mortgage Reducing Term Takaful/ Group Mortgage Reducing Term Takaful – Business Financing/ Group Mortgage Reducing Term Takaful – Business Financing with Refund of Contribution rider (“Produk Bankasurans/ Bankatakaful Turut Serta”) dalam Tempoh Kempen dengan CIMB Bank Berhad (“CIMB”).
 - c. Adalah tanggungjawab Pelanggan Layak untuk memastikan bahawa nombor telefon dan/atau alamat e-mel mereka yang disimpan dengan Sun Life Malaysia adalah terkini dan dikemas kini.

PRODUK TURUT SERTA

5. Untuk memenangi perlindungan komplementari Group Term Takaful ("GTT")/ Group Term Life ("GTL") selama dua belas (12) bulan seperti yang dinyatakan dalam Klausa 13 dan 14 di bawah, Pelanggan Layak perlu membuat permohonan di bawah ("Permohonan Layak") semasa Tempoh Kempen:

Permohonan Layak	
- Pelanggan Layak mesti mengambil Produk Bankasurans/Bankatakaful Turut Serta bersama dengan CIMB dalam tempoh kempen. - Permohonan Layak mesti dikemukakan dan dicatatkan dalam sistem Sun Life Malaysia dalam Tempoh Kempen.	
Produk-produk Bankasurans/Bankatakaful	Penanggung Insurans/ Pengendali Takaful
<u>Produk-produk Bankasurans Turut Serta</u> - Group Mortgage Reducing Term Assurance (MRTA 2015) - Group Mortgage Reducing Term Assurance – Business Loan (MRTA 2015 – Business Loan) - Group Mortgage Reducing Term Assurance – Business Loan with Refund of Premium rider (MRTA 2015 – Business Loan with ROP) - Group Mortgage Level Term Assurance (MLTA 2015)	Sun Life Malaysia Assurance Berhad [No. Pendaftaran: 199001005930 (197499-U)]
<u>Produk-produk Bankatakaful Turut Serta</u> - Group Mortgage Reducing Term Takaful (MRTT 2015) - Group Mortgage Reducing Term Takaful – Business Financing (MRTT 2015 – Business Financing) - Group Mortgage Reducing Term Takaful – Business Financing with Refund of Contribution rider (MRTT 2015 – Business Financing with ROC)	Sun Life Malaysia Takaful Berhad [No. Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)]

6. Penentuan Permohonan Layak yang dibuat oleh Pelanggan Layak adalah berdasarkan permohonan yang ditandatangani bagi Produk-produk Bankasurans/ Bankatakaful Turut Serta.
7. Keputusan CIMB untuk menentukan sama ada permohonan itu boleh dianggap sebagai Permohonan Layak di bawah Kempen ini adalah mutakhir, mengikat dan muktamad dan tidak boleh dipertikaikan dalam apa jua cara.
8. CIMB hanyalah pengedar Produk Bankasurnas/Bankatakaful Turut Serta. Produk Bankasurans/Bankatakaful Turut Serta dan GTT/GTL bukan produk CIMB dan oleh itu: -

- i. Produk Bankasurans/Bankatakaful Turut Serta dan GTT/GTL bukan obligasi, dan tidak dijamin oleh CIMB dan/atau subsidiari dan anggota gabungannya;
 - ii. CIMB tidak bertanggungjawab atau menanggung liabiliti atas apa-apa perkara atau tuntutan yang timbul daripada Produk Bankasurans/Bankatakaful Turut Serta dan GTT/GTL yang disediakan oleh Penanggung Insurans dan/atau Pengendali Takaful; dan
 - iii. Penanggung Insurans dan/atau Pengendali Takaful, sebagai penanggung insurans berlesen dan penaja jamin/pengurus Produk Bankasurans/Bankatakaful Turut Serta dan GTT/GTL hendaklah melaksanakan obligasi insurans/takaful dengan sepenuhnya.
9. Pelanggan Layak dan/atau pemilik polisi/pemegang kontrak/pemilik sijil hendaklah mengemukakan sebarang pertanyaan, maklum balas, kemusykilan, isu atau aduan yang berkaitan dengan Produk Bankasurans/Bankatakaful Turut Serta dan GTT/GTL kepada Penanggung Insurans/Pengendali Takaful di:

Sun Life Malaysia Assurance Berhad
[Nombor Pendaftaran: 199001005930 (197499-U)]

Sun Life Malaysia Takaful Berhad
[Nombor Pendaftaran: 200501012215) (689263-M)]

Aras 11, 338 Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur

Sebagai alternatifnya, Pelanggan Layak dan/atau Pemilik Polisi/Pemegang Kontrak/Pemilik Sijil boleh:

- i. menghubungi Talian Perkhidmatan Pelanggan di 1300-88-5055;
 - ii. membuat pertanyaan dalam talian melalui sunlifemalaysia.com;
 - iii. menghantar e-mel kepada wecare@sunlifemalaysia.com; atau
 - iv. faks ke (603) 2698 7035.
10. Penanggung Insurans/Pengendali Takaful ialah ahli PIDM dan semua pemilik polisi/sijil insurans/ takaful layak mendapat perlindungan di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful & Insurans (TIPS) sekiranya Penanggung Insurans/Pengendali Takaful gagal dan tidak dapat membayar manfaat insurans/takaful.
11. Pelanggan Layak tertakluk kepada penilaian kesesuaian, yang akan dikendalikan pada masa jualan sebelum Produk Bankasurans/Bankatakaful Turut Serta boleh dicadangkan oleh wakil yang sah.
12. Penanggung Insurans/Pengendali Takaful sebagai penaja jamin/pengurus Produk Bankasurans/ Bankatakaful Turut Serta hendaklah menguruskan apa-apa perkara yang berkaitan dengan Produk Bankasurans/Bankatakaful Turut Serta.

13. Tempoh Perlindungan Komplimentari GTL adalah selama dua belas (12) bulan dari tarikh permulaan GTL seperti yang dinyatakan dalam Klausa 19. Pelanggan Layak yang berhak mendapat Perlindungan Komplimentari GTL untuk Kempen ini adalah seperti berikut:

Kategori	Perlindungan Komplimentari
<u>Pelan A:</u> Produk Bankasurans Turut Serta dengan jumlah yang diinsurankan antara RM10,000 dan RM100,000: - Group Mortgage Reducing Term Assurance (MRTA 2015) - Group Mortgage Reducing Term Assurance – Business Loan (MRTA 2015 – Business Loan) - Group Mortgage Reducing Term Assurance – Business Loan with Refund of Premium rider (MRTA 2015 – Business Loan with ROP) - Group Mortgage Level Term Assurance (MLTA 2015)	- Perlindungan Komplimentari GTL: - Kematian / Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) – RM5,000 - Accidental Death and Dismemberment Benefit – RM15,000 (Manfaat Accidental Death and Dismemberment akan dibayar sebagai di atas pembayaran Manfaat Kematian/TPD.) - GTL adalah ditaja jamin oleh Sun Life Malaysia Assurance Berhad [Registration No.: 199001005930 (197499-U)]
<u>Pelan B:</u> Produk Bankasurans Turut Serta dengan jumlah yang diinsurankan RM100,001 dan ke atas: - Group Mortgage Reducing Term Assurance (MRTA 2015) - Group Mortgage Reducing Term Assurance – Business Loan (MRTA 2015 – Business Loan) - Group Mortgage Reducing Term Assurance – Business Loan with Refund of Premium rider (MRTA 2015 – Business Loan with ROP) - Group Mortgage Level Term Assurance (MLTA 2015)	- Perlindungan Komplimentari GTL: - Kematian / Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) – RM10,000 - Accidental Death and Dismemberment Benefit – RM30,000 (Manfaat Accidental Death and Dismemberment akan dibayar sebagai di atas pembayaran Manfaat Kematian/TPD.) - GTL adalah ditaja jamin oleh Sun Life Malaysia Assurance Berhad [Registration No.: 199001005930 (197499-U)]

14. Tempoh Perlindungan Komplimentari GTT adalah selama 12 bulan dari tarikh permulaan GTT seperti yang dinyatakan dalam Klausa 19. Pelanggan Layak yang berhak mendapat Perlindungan Komplimentari GTT untuk Kempen ini adalah seperti berikut:

Kategori	Perlindungan Komplimentari
Pelan A: Produk Bankatakaful Turut Serta dengan jumlah yang dilindungi antara RM10,000 dan RM100,000: - Group Mortgage Reducing Term Takaful (MRTT 2015) - Group Mortgage Reducing Term Takaful – Business Financing (MRTT 2015 – Business Financing) - Group Mortgage Reducing Term Takaful – Business Financing with Refund of Contribution rider (MRTT 2015 – Business Financing with ROC)	- Perlindungan Komplimentari GTT: - Kematian / Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) – RM5,000 - Accidental Death and Dismemberment Benefit – RM15,000 (Manfaat Accidental Death and Dismemberment akan dibayar sebagai di atas pembayaran Manfaat Kematian/TPD.) - GTT adalah diuruskan oleh Sun Life Malaysia Takaful Berhad [No. Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)]
Pelan B: Produk Bankatakaful Turut Serta dengan jumlah yang dilindungi RM100,001 dan ke atas: - Group Mortgage Reducing Term Takaful (MRTT 2015) - Group Mortgage Reducing Term Takaful – Business Financing (MRTT 2015 – Business Financing) - Group Mortgage Reducing Term Takaful – Business Financing with Refund of Contribution rider (MRTT 2015 – Business Financing)	- Perlindungan Komplimentari GTT: - Kematian / Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) – RM10,000 - Accidental Death and Dismemberment Benefit – RM30,000 (Manfaat Accidental Death and Dismemberment akan dibayar sebagai di atas pembayaran Manfaat Kematian/TPD.) - GTT adalah diuruskan oleh Sun Life Malaysia Takaful Berhad [No. Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)]

15. Untuk terma-terma, syarat-syarat dan pengecualian-pengecualian yang menyeluruh bagi Perlindungan Komplimentari GTT/GTL, Pelanggan Layak harus merujuk kepada kontrak/polisi induk GTT/GTL dan/atau sijil takaful/insurans yang boleh dilihat dan/atau dimuat turun dari laman web Penanggung Insurans/Pengendali Takaful di sunlifemalaysia.com.
16. Pelanggan Layak bertanggungjawab untuk membayar sebarang cukai, kos sampingan dan/atau sebarang caj lain yang berkaitan dengan perlindungan komplimentari GTT/GTL melainkan dinyatakan sebaliknya.
17. Perlindungan komplimentari GTT/GTL yang dinyatakan dalam Klausa 13 dan 14 di atas tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar ganti

PERLINDUNGAN KOMPLIMENTARI GTT/GTL

18. Pelanggan Layak bertanggungjawab untuk memastikan bahawa alamat rumah, nombor talian mudah alih dan alamat e-mel mereka yang diberikan ("Butiran Perhubungan") adalah yang terbaharu dan telah dikemas kini dengan Penanggung Insurans/Pengendali Takaful sekiranya terdapat sebarang perubahan yang sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan yang berpunca daripadanya) yang dialami sekiranya alamat rumah, nombor talian mudah alih dan alamat e-mel Pelanggan Layak dalam rekod Penanggung Insurans/Pengendali Takaful bukan yang terbaharu atau tidak dikemas kini, atau untuk sebarang isu lain yang timbul daripada kegagalan Pelanggan Layak untuk menerima sebarang komunikasi daripada Penanggung Insurans/Pengendali Takaful.
19. Perlindungan Komplimentari GTT/GTL akan berkuat kuasa pada 15 haribulan bulan berikutnya pada permohonan yang ditandatangani bagi Produk-produk Bankasurans/Bankatakaful Turut Serta.
20. Pelanggan Layak akan dimaklumkan tentang kelayakan untuk Perlindungan Komplimentari GTT/GTL melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) daripada Sun Life Malaysia dalam masa dua belas (12) minggu selepas kempen tamat.
21. Pelanggan Layak bersetuju bahawa sebarang maklumat peribadi yang dikumpulkan semasa dan untuk tujuan Kempen ini (Nama, KP, Tarikh Lahir, Nombor Talian Mudah Alih, Jantina, dan Kewarganegaraan) boleh dipegang, digunakan dan didedahkan oleh CIMB kepada Penanggung Insurans/Pengendali Takaful untuk tujuan memproses permohonan bagi Produk Bankasurans/Bankatakaful Turut Serta dan GTT/GTL, dan maklumat tersebut juga boleh disimpan, digunakan dan didedahkan selanjutnya oleh Penanggung Insurans/Pengendali Takaful kepada individu/organisasi yang berkaitan atau bersekutu dengan Penanggung Insurans/Pengendali Takaful untuk tujuan memproses permohonan Produk Bankasurans/Bankatakaful Turut Serta dan GTT/GTL dan menyediakan perkhidmatan seterusnya bagi kontrak/sijil, dan berkomunikasi dengan Pelanggan Layak untuk tujuan tersebut; mengesahkan bahawa mereka telah membaca dan memahami Notis/Penyata Privasi Penanggung Insurans / Pengendali Takaful di <https://www.sunlifemalaysia.com/SunLife/media/SunLifeMedia/PDF/PrivacyNotice.pdf> dan bersetuju untuk memberikan kebenaran penggunaan data peribadi mereka bagi tujuan yang dinyatakan di dalam itu.

TERMA DAN SYARAT AM

22. Pelanggan Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen, mereka:
 - i. dikehendaki membaca dan memahami Terma dan Syarat ini;
 - ii. telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka terhadap Terma dan Syarat ini;
 - iii. mengesahkan bahawa terma kontrak penting yang mempengaruhi kewajipan mereka telah diterangkan dengan sewajarnya kepada mereka;
 - iv. memberikan persetujuan kepada CIMB dan/atau Sun Life Malaysia untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka dan juga sebarang data peribadi mana-mana individu yang dikongsi Pelanggan Layak dengan CIMB dan/atau Sun Life Malaysia

- menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my dan/atau Notis Privasi Sun Life Malaysia di www.sunlifemalaysia.com;
- v. bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara munasabah oleh CIMB dan/atau Sun Life Malaysia berhubung dengan setiap aspek Kempen ini adalah muktamad, mengikat dan mutakhir; dan
 - vi. bersetuju bahawa CIMB dan/atau Sun Life Malaysia tidak menanggung liabiliti atau bertanggungjawab terhadap Pelanggan Layak jika CIMB dan/atau Sun Life Malaysia tidak dapat melakukan sepenuhnya atau sebahagiannya mana-mana kewajibannya dalam Terma dan Syarat ini yang dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada:
 - a. kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian transmisi;
 - b. kegagalan elektrik;
 - c. pertikaian perindustrian, peperangan, mogok atau rusuhan;
 - d. sebarang bencana alam di luar kawalan CIMB dan/atau Sun Life Malaysia; atau
 - e. sebarang faktor yang di luar kawalan munasabah CIMB dan/atau Sun Life Malaysia.
23. Pelanggan Layak akan dibatalkan daripada menyertai Kempen dan/atau perlindungan komplimentari GTT/GTL akan ditarik balik, sekiranya dalam Tempoh Kempen dan/atau sebelum penunaian perlindungan komplimentari GTT/GTL:
- i. Pelanggan Layak melanggar terma dan syarat yang diguna pakai bagi Produk Turut Serta yang didaftarkan;
 - ii. Produk Turut Serta yang didaftarkan ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang dibuat oleh Mahkamah atau pihak berkuasa di bawah undang-undang; atau
 - iii. Produk Turut Serta yang didaftarkan tidak berbayar, tidak sah atau dibatalkan oleh Pelanggan Layak atau CIMB dan/atau Sun Life Malaysia.
24. Sun Life Malaysia berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak yang ditentukan sebagai:
- i. gangguan kepada proses permohonan; dan/atau
 - ii. perbuatan yang melanggar Terma dan Syarat ini.
25. Sun Life Malaysia berhak untuk melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen dengan memberikan notis tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu kepada Pelanggan Layak menerusi:
- i. pengumuman di laman web Sun Life Malaysia; dan/atau
 - ii. menerusi sebarang kaedah pemberitahuan lain yang mungkin dipilih oleh Sun Life Malaysia.

Untuk mengelakkan keraguan, Sun Life Malaysia tidak bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak bagi sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada apa-apa pembatalan, penggantungan, pemendekan atau lanjutan Kempen.

26. Sun Life Malaysia tidak bertanggungjawab kepada mana-mana Pelanggan Layak atau mana-mana pihak bagi sebarang kerugian, kos atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah, secara langsung atau tidak langsung, pampasan sampingan, turutan, teladan, punitif atau khas) yang berlaku disebabkan oleh:
- i. penyertaan atau tidak penyertaan Pelanggan yang Layak dalam Kempen; dan/atau
 - ii. sebarang kegagalan penerimaan atau penerimaan lewat Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("SMS") oleh Pelanggan Layak,
- melainkan kerugian atau ganti rugi tersebut timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran yang disengajakan Sun Life Malaysia.
27. Sun Life Malaysia berhak untuk mengubah, menambah, menggugurkan atau meminda mana-mana Terma dan Syarat ("Pindaan") dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Pelanggan Layak menerusi:
- i. pengumuman di laman web Sun Life Malaysia; dan/atau
 - ii. sebarang kaedah pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh Sun Life Malaysia.
28. Pindaan tersebut dianggap sebagai mengikat Pelanggan Layak dari tarikh seperti yang dinyatakan oleh Sun Life Malaysia dalam pemberitahuan.
29. Jika perubahan diperlukan di bawah undang-undang atau mana-mana peraturan, ketetapan, arahan, notis dan garis panduan ("**Ketetapan**") maka ia akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Ketetapan dan Sun Life Malaysia akan memaklumkan / memberi notis kepada Pelanggan Layak mengenai perubahan ini secepat mungkin.
30. Pelanggan Layak bersetuju untuk mengunjungi laman web Sun Life Malaysia dari semasa ke semasa untuk menyemak terma dan syarat Kempen dan untuk memastikan mereka maklum tentang sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat ini.
31. Sun Life Malaysia tidak bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak atas sebarang kerugian, kos atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak akibat kesan langsung atau tidak langsung daripada Pindaan tersebut.
32. Pelanggan Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan Sun Life Malaysia dibayar ganti rugi penuh bagi yuran, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin dialami oleh Sun Life Malaysia yang disebabkan oleh:
- i. penyertaan dalam Kempen; dan/atau
 - ii. penerimaan, penebusan atau penggunaan Perlindungan Komplimentari GTT/GTL; dan/atau
 - iii. sebarang pelanggaran atau kegagalan untuk mematuhi Terma dan Syarat ini.
33. Terma dan Syarat ini:

- i. akan mengatasi sebarang peruntukan atau pernyataan yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen; dan
 - ii. hendaklah dibaca bersama terma dan syarat sedia ada Produk Bankasurans/Bankatakaful Turut Serta yang akan diguna pakai sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini.
34. Terma dan Syarat ini tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia, dan peraturan, ketetapan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan kawal selia berkaitan lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas Sun Life Malaysia.
35. Jika Sun Life Malaysia tidak melaksanakan mana-mana haknya menurut Terma dan Syarat ini, ia tidak menghalang Sun Life Malaysia daripada melaksanakan hak tersebut atau sebarang hak lain Sun Life Malaysia pada masa depan.
36. Pelanggan Layak bertanggungjawab sepenuhnya untuk perkara yang berikut apabila menerima perlindungan komplementari GTT/GTL:
- i. sebarang kewajipan memfailkan cukai atau apa-apa pembayaran cukai yang perlu dijelaskan kepada mana-mana pihak berkuasa; dan
 - ii. mendapatkan nasihat bebas tentang implikasi yang mungkin dihadapi terhadap keadaan kewangannya sendiri.
37. Laman web Sun Life Malaysia mungkin mengandungi pautan ke laman web lain ("Pautan **Pihak Ketiga**"). Sun Life Malaysia tidak mempunyai kawalan, dan tidak memantau atau menyemak kandungan Pautan Pihak Ketiga. Jika Pelanggan Layak klik pada Pautan Pihak Ketiga, Pelanggan Layak faham bahawa mereka mengakses Pautan Pihak Ketiga atas risiko mereka sendiri dan Sun Life Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan Layak.
38. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan Layak memberi kuasa kepada Sun Life Malaysia untuk menerbitkan dan/atau memaparkan bahan dan/atau maklumat, termasuk dan tidak terhad kepada nama, foto dan bandar tempat tinggal Pelanggan Layak tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti dalam ara yang dianggap sesuai ("**Hak Penerbitan**").